

# ibtikar

BULETIN PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

BIL.5 JUN 2016



ISSN 1675-5926



9 7896703 9360600

[www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

# SIDANG EDITOR

## Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad

## Penasihat

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah

## Ketua Editor

Pn. Hariza Mohd Yusof

## Pen. Ketua Editor

En. Mohd Faiz Hamzah

## Editor

Pn. Khairunnajwa Mohd Tahet  
Cik Noor Adibah Mohamad

## Susun Atur Huruf

Pn. Nuraznita Abdullah

## Konsep & Reka Bentuk

En. Mohd Amirul Mohamad Ghazali

## Penyumbang Bahan

- Pn. Wan Fauriah Wan Samad
- Pn. Siti Hana Sarbini
- En. Razman Ibrahim
- Pn. Khairunnisa Ismail
- Pn. Najihah Budah @ Udah
- Pn. Fadzlina Azahari
- En. Azmi Jamil
- En. Mohd Afiq Zharif Abd Aziz
- Pn. Norhaida Abd Shukor

Makna “Ibtikar” – Perkataan “ibtikar” atau ”ابتكار“ adalah berasal daripada perkataan dalam bahasa Arab yang bermaksud inovasi. Inovasi adalah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan.

Judul buletin ini dipilih dalam bahasa Arab adalah kerana ingin menunjukkan identiti USIM sebagai sebuah institusi yang menekankan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.



# KATA PENGANTAR

## KETUA EDITOR IBTIKAR



Warga USIM usai meninggalkan dua bulan yang amat bermakna iaitu Syawal dan Ramadan. Tabir Syawal masih ada dan tabir Ramadhan sudah berlalu meninggalkan kita dengan episod muhasabah diri bagi menjadi yang terbaik.

Keberadaan dalam tahun 2016 merupakan perkara yang mengujakan kerana pada tahun ini warga USIM bertungkus-lumus untuk merealisasikan pelan strategik USIM berada pada tangga dan sasaran yang telah ditetapkan. Melihat kepada pencapaian-pencapaian hasil usaha pelbagai PTJ, tidak ada yang mampu menolak dan menafikan kejayaan yang akan dicapai dalam menghampiri USIM'16 sebagai universiti yang akan dirujuk di peringkat serantau. Apa yang lebih unik, USIM'16 bakal mengukir lakaran bagi kita dijadikan rujukan serantau berteraskan integrasi ilmu naqli dan aqli.

Rujukan ini menyeluruh kepada semua staf termasuk staf akademik, pentadbiran dan juga pelajar kerana elemen-elemen inilah yang menjadi

inti pati kekuatan universiti. Ibarat kata bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.

Tidak ketinggalan, PTJ dan CoE di bawah naungan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi (TNC P&I) turut berganding bahu dan bekerjasama dalam menyasarkan pelan strategik tersebut. Pelbagai aktiviti, program, sumbang saran, dengan pelbagai hubungan jaringan strategik diadakan dengan hasrat dan matlamat yang sama iaitu dirujuk dan akhirnya menampakkan hasil bagi dihormati, dirujuk dan juga relevan (respected, referred, relevant) atau lebih sinonim dengan istilah 3R.

Ibtikar menemui pembaca lagi, dengan paparan beberapa isu dan juga pelaporan aktiviti maklumat-maklumat yang terus dikemas kini untuk edaran dan makluman staf dan para pelajar di USIM berkenaan aktiviti di bawah payung TNC P&I. Sekali lagi untuk ingatan bersama, USIM'16 berada hampir dengan garisan penamat.

Kita sahaja yang akan mampu merealisasikannya dengan gaya dan jaya. Sekali lagi terima kasih daun keladi untuk semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan pada tahun yang amat bermakna ini. Tertangguh pada ikan sama mengeruntungkan, tertangguh pada rangsang sama mengiraikan. Selamat membaca.

Salam hormat,  
Hariza Mohd Yusof  
Ketua Editor

# **TEMU BUAL EKSKLUSIF**

## **BERSAMA DR. MOHAMAD ISA BIN AMAT**

### **PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DALAM**

### **PENYALAHGUNAAN DADAH ASIA (ACREDA)**

Ikuti Temu Bual Eksklusif: Puan Najihah Budah @ Udah dan Puan Nor Fadzlina Azahari



- 1. Nama ACREDA bukanlah suatu yang asing bagi warga USIM, bagaimanapun, sebagai mukadimah temu bual ekslusif kali ini, boleh Dr terangkan berkaitan latar belakang dan sejarah ACREDA?**

Pusat Penyelidikan dalam Penyalahgunaan Dadah Asia atau dikenali sebagai ACREDA telah mula ditubuhkan pada 15 April 2009 setelah diluluskan oleh Senat Universiti dalam Mesyuarat Senat Universiti Kali ke-50 Bil 2/2009 dan mula beroperasi pada 1 Januari 2010. Penubuhan ACREDA juga boleh dilihat sebagai suatu usaha untuk menjadikan Universiti Sains Islam (USIM) sebagai pusat rujukan dalam aspek-aspek berkaitan penyalahgunaan dadah melalui aktiviti penyelidikan, penerbitan, latihan dan perkhidmatan. Ditubuhkan dengan berasaskan kepada landasan penubuhan Pusat Kecemerlangan di

bawah Teras Ketiga Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu Memperteguh Penyelidikan dan Inovasi, penubuhan ACREDA pada awalnya adalah bagi membantu kerajaan Malaysia membanteras musuh nombor satu negara iaitu masalah penyalahgunaan dadah.

Jika dilihat pada kejayaan ACREDA hari ini, penubuhan ACREDA itu sendiri bukanlah terus menjadi satu pusat

kecemerlangan universiti dalam masa yang singkat. ACREDA ditubuhkan melalui pengembangan dan pemerkasaan aktiviti Special Interest Group (SIG) dalam penyalahgunaan dadah melalui Program Fleksi Diploma Pascasiswazah dalam Penyalahgunaan Dadah/ Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) – SPADA yang ditawarkan di USIM semenjak tahun 2005. Program yang bermatlamat untuk menghasilkan

kumpulan sumber manusia yang mempunyai pengetahuan khusus dan berkemahiran dalam bidang penyalahgunaan dadah ini merupakan hasil keputusan Jawatankuasa Kabinet yang diusulkan oleh Menteri Pengajian Tinggi pada tahun 2004 agar terdapat sebuah program pengajian yang khusus dalam bidang penyalahgunaan dadah dan usul ini bertepatan dengan kehendak kerajaan yang ketika itu begitu memerlukan *special task force* yang mempunyai kepakaran dalam rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Setelah diluluskan oleh pihak kerajaan, hanya USIM dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah bersedia dan sanggup mengendalikan program tersebut. Kini setelah enam tahun ACREDA beroperasi, program tersebut masih berjalan dan terus berkembang dengan adanya Program Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah).

**2. Kita juga mengambil maklum bidang fokus ACREDA adalah sebagai pusat rujukan dalam usaha-usaha yang berstrategik untuk mengurangkan bahkan menghapuskan masalah penyalahgunaan dadah yang ada dalam masyarakat. Sehubungan itu, apakah pencapaian-pencapaian utama sepanjang penubuhan ACREDA?**

Secara peribadi, saya merasakan terlalu banyak pencapaian serta pengalaman berharga yang diperoleh sepanjang saya menjadi ahli keluarga ACREDA, antaranya sudah tentulah pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penyalahgunaan dadah yang semakin bertambah dan lebih meluas yang kini banyak membantu saya menjalankan tugas sebagai pengarah



di ACREDA. Memandangkan bidang ini lebih terfokus kearah pencegahan dan rawatan dadah, maka secara automatik, saya juga menjadi lebih fokus skop tugas saya di sini.

Dari segi pencapaian ACREDA, pencapaian utama adalah apabila ACREDA itu sendiri semakin dikenali oleh pihak-pihak luar. Melalui jaringan hubungan yang terbina antara organisasi dan tokoh-tokoh terkenal yang terdiri daripada pihak kerajaan dan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Penjara Malaysia, Persatuan Pengasih Malaysia, Persatuan Bekas-bekas Penagih Dadah (PENDAMAI) secara tidak langsung dapat membantu membina reputasi dan kredibiliti serta menaikkan populariti ACREDA agar lebih dikenali sebagai sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan dalam penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Menerusi penganjuran beberapa siri seminar dan konvensyen kebangsaan dan antarabangsa seperti Seminar Antarabangsa Pencegahan Penyalahgunaan Dadah (PREVENT) dan Empowering Youth for Drug-Free Community (EYDFC) yang saban tahun mendapat perhatian umum,

jelas memperlihatkan usaha-usaha yang dilakukan ACREDA.

Selain itu, saya juga berpendapat bahawa, pencapaian terbesar ACREDA adalah melalui program yang ditawarkan yang mampu mengintegrasikan kerajaan dengan NGO dalam menghubungkan dunia penyelidikan dan praktikal diluar sana. Dengan terhasilnya beberapa manuskrip yang berkaitan dengan prinsip pencegahan penyalahgunaan dadah serta modul pencegahan komuniti iaitu *community battery-drug abuse prevention strategy* atau dikenali sebagai COMBAT-DAPS, pembangunan modul yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Abd. Halim Bin Mohd Hussin, mantan Pengarah ACREDA yang kini merupakan Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), beberapa

penyelidik USIM dan rakan strategik USIM telah banyak membantu kerajaan dan NGO dalam menangani kes-kes pencegahan dan penagihan dadah. Modul ini juga telah mendapat pengiktirafan daripada beberapa badan luar dan pada tahun 2010, saya diberi peluang untuk membentangkan kertas kerja modul ini dalam konferens iaitu The Society for Prevention Research (SPR) di Denver, Colorado. Modul pencegahan ini kini sedang dalam proses dinaiktaraf kepada versi yang lebih terkini untuk disesuaikan dengan tetapan dan sasaran pengguna modul dan dijangka akan dikeluarkan dalam tahun ini juga.

Selain modul COMBAT-DAPS ini, pencapaian ACREDA dalam membantu membanteras penyalahgunaan dadah adalah melalui pendekatan psikospiritual Islam yang diperkenalkan oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Rushdan Mohd. Jailani, iaitu mantan pengarah ACREDA yang kedua. Konsep Psikospiritual Islam ini sangat menepati fitrah asal kejadian manusia dan kesedaran terhadap Terapi Psikospiritual banyak diutarakan oleh ramai pengkaji dan kaunselor di Barat.

### **3. USIM sedang menyasarkan untuk menjadi pusat rujukan di peringkat serantau pada tahun 2016 (USIM '16). Jadi apakah perancangan aktiviti yang akan digerakkan oleh ACREDA untuk tahun ini?**

Pada tahun ini ACREDA telah mengadakan aktiviti-aktiviti seperti Program Pengantarabangsaan Serta Lawatan Akademik dan Teknikal ke Perth, Australia, yang telah diadakan pada 16 Februari 2016. Program ini telah disertai oleh pensyarah



Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dan pelajar Program Fleksi SPADA 2014/2016 bagi memberi pendedahan dan dapatkan maklumat berkenaan model/modul rawatan dan pemulihan penagihan dadah yang digunakan di pusat-pusat pemulihan dadah di Perth, Australia. Program ini juga meluaskan jaringan kerjasama antarabangsa di antara universiti dan pihak luar.

ACREDA juga telah mengadakan Program Kampus Bebas Dadah USIM-KPJUC pada 27 April 2016. Bersempena dengan Hari Anti dadah Peringkat Kebangsaan, pihak ACREDA telah menganjurkan program ini bertempat di KPJ Healthcare University College, Nilai. Antara pengisian program ialah bengkel pendidikan dan pencegahan penyalahgunaan dadah, forum kampus bebas dadah, pameran dari pihak Agensi Antidadah Kebangsaan dan pertunjukan khas oleh Unit Anjing Pengesan (K9) PDRM.

Program yang masih belum dijalankan dan dijadualkan pada tahun ini adalah Seminar Antarabangsa PREVENT 2016. Seminar ini diadakan untuk memperkasa kaedah pencegahan dan rawatan pemulihan yang sedang diamalkan di pusat-pusat khidmat nashiat dan rawatan penyalahgunaan dadah di seluruh Malaysia. Seminar ini juga merupakan satu platform perkongsian maklumat, pengalaman pencegahan penyalahgunaan serta kaedah pemulihan dadah untuk mencapai hasrat negara bebas daripada dadah menjelang tahun 2016.



#### **4. Pada pendapat Dr, bagaimana perkembangan penyalahgunaan dadah di Malaysia dan apakah sumbangan langsung ACREDA dalam menangani masalah ini?**

Penyalahgunaan dadah di Malaysia masih dapat dikawal dan peranan semua dalam menangani perkara ini sangat diperlukan. Di ACREDA sendiri telah ada modul dan program tertentu dalam menangani permasalahan ini. Setakat ini telah ada empat modul yang dibangunkan.

Integrated Addiction Counseling Training Module (Revised) INTACT-M (R) yang dijalankan dalam tiga peringkat iaitu, Foundation, Basic Skills dan juga Advance Skillls. Modul ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan kaunseling kepada penagih serta meningkatkan efikasi kendiri dalam menjalankan sesi kaunseling kepada pesakit yang ketagihan. Merupakan satu modul latihan untuk kaunselor menolong dengan berkesan dengan cara memberi inspirasi dan motivasi kepada pesakit yang ketagihan untuk berubah. Komponen bersepadan dalam modul ini seperti kerohanian dan keagamaan juga disampaikan bersama-sama dengan komponen pembangunan profesional.

Integrated Addiction Counseling Training Module-Prototype (INTACT-P) dengan modul yang merangkumi sumbangan besar kepada keselamatan dan kesihatan mental dan sosial. Merupakan satu langkah pertama yang penting dan sangat bersepada, dengan pelbagai pendekatan psikososial komponen dalam rawatan penyalahgunaan dadah. Modul ini memerlukan 30 jam pada latihan termasuk kerja lapangan dan perundingan bagi aktiviti perawatan.

Community Battery-Drug Abuse Prevention Strategy (COMBAT-DAPS) yang mana terdapat empat peringkat proses di dalamnya melengkumi Pemahaman kepada Dadah dan Penyalahgunaan Dadah, Merancang Program Pencegahan dalam Komuniti, Strategi Pencegahan dan penilaian program dan cadangan.

Terapi Zikr pula adalah merupakan kombinasi proses intelek dan rohani yang bertujuan untuk meningkatkan kestabilan diri kepada orang yang dipulih. Aplikasi ini adalah mudah kerana ia boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan,

secara di dalam hati atau secara lisan pada bila-bila masa dan tempat. Ianya mempunyai potensi yang bermanfaat dan kelebihan merawat ketagihan berdasarkan amalan yang sedia ada.

**5. Apakah pandangan Dr dengan melihat kepada perkembangan ACREDA setakat ini dan apakah harapan Dr untuk ACREDA pada masa akan datang?**

ACREDA yang telah diwujudkan pada 1 Januari 2010 telah menyaksikan perkembangan yang mencapah naik. Sememangnya menjadi harapan kita semua agar ACREDA dapat memberikan letusan yang lebih besar lagi.

Diharapkan pada masa akan datang, sesuai dengan rujukan di peringkat asia, ACREDA akan dapat mencapai kelangsungan dan kesinambungannya. Sebagai memenuhi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), iaitu penarafan CoE di IPT sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi - Higher Institution Centre of Excellence (HICoE)



adalah salah satu langkah strategik untuk melonjakkan HICoE yang telah dinobatkan untuk menjadi peneraju dalam bidang nic masing-masing ke peringkat kebangsaan dan seterusnya dipupuk dan dilonjakkan ke arah mencapai taraf antarabangsa. ACREDA akan sentiasa berdaya saing dalam pelbagai bidang penyelidikan, kepakaran dan perkhidmatan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa. Menyasarkan untuk menjadi sebuah Hi-CoE dengan memberi tumpuan kepada teras perkhidmatan; aktiviti utama pusat ini ialah menjalankan penyelidikan untuk meningkatkan perkhidmatan dan perundingan kepada masyarakat dan industri. 70 peratus daripada aktiviti-aktiviti akan menumpukan kepada bidang perkhidmatan, manakala 30 peratus lagi terdiri daripada kerja-kerja penyelidikan dan pengajaran.

ACREDA juga berhasrat untuk membantu dalam meningkatkan sumbangan dalam pencapaian Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA) di USIM dengan fokus kepada kecemerlangan penyelidikan dan juga modal insan yang berkualiti yang akan memberi impak kepada negara dan masyarakat.

Selain itu, ACREDA berharap dapat meningkatkan kualiti penawaran program akademik dengan menawarkan Program SPADA secara terbuka kepada semua calon. ACREDA juga berharap akan dapat menawarkan program Master dan Doktor Falsafah secara penyelidikan sepenuhnya.



# PENYALAHGUNAAN DADAH, ACREDA DAN TEORI TINGKAH LAKU KOGNITIF (CBT)

OLEH DR. AMIN AL HAADI SHAFIE

Dadah telah diisyiharkan sebagai musuh nombor satu negara oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 19 Februari 1983 bersempena dengan sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan. Pihak kerajaan telah mendapati bahawa masalah dadah bukan lagi sekadar masalah sosial tetapi telah mula dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara. Menyedari akan bahaya dadah, Dasar Dadah Kebangsaan telah diperkenalkan pada tahun 2004 bertujuan untuk mewujudkan negara Malaysia bebas daripada gejala ancaman dadah menjelang 2015 bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional (Amin Al Haadi ,et al, 2015).

Atas semangat memerangi penyalahgunaan dadah, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2005 telah mengambil langkah dengan membuka program diploma siswazah dalam penyalahgunaan dadah (SPADA). Program ini mengfokuskan pegawai-pegawai kerajaan dan mereka yang berminat dalam membantu golongan yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah untuk meningkatkan lagi ilmu dan kemahiran dalam pembendungan, rawatan dan pemulihan. Pada 1 Januari 2010, pusat penyelidikan dalam penyalahgunaan dadah Asia (ACREDA) telah ditubuhkan. Penubuhan ini memenuhi ciri-ciri kecemerlangan USIM dan KPT melalui aktiviti penyelidikan, penerbitan, latihan dan perkhidmatan. Penubuhan ACREDA ini juga berasaskan landasan pusat kecemerlangan di bawah Teras Ketiga

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dalam mempergiatkan inovasi dan penyelidikan.

Pada bulan Februari 2016, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mengumumkan tahun 2016 sebagai tahun kemenangan besar-besaran untuk memerangi jenayah berkaitan dadah. Perkara ini dibangkitkan berikutan peningkatan jumlah penagih dadah berdaftar seramai 26,660 orang pada tahun lalu, menjadikan keseluruhan 282,660 penagih direkodkan seluruh negara ketika ini. Timbalan Perdana Menteri juga berkata, peningkatan golongan muda termasuk murid sekolah dengan paling muda berumur tujuh tahun telah dikesan menjadi penagih dadah pada tahun lalu, memerlukan langkah baru lebih berkesan bagi memerangi gejala itu. Saranan ini diumumkan pada Sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan 2016 di Lawas (Berita Harian, 2016).

ACREDA USIM tidak terlepas dalam menyahut seruan Timbalan Perdana Menteri dalam kemenangan besar-besaran untuk memerangi jenayah berkaitan dadah. Banyak program kemasyarakatan telah dijalankan oleh pihak ACREDA seperti kampen anti dadah anjuran ACREDA, Kolej universiti KPJ dan AADK. ACREDA juga telah diberi amanah untuk menjalankan kajian-kajian lapangan, keberkesanan rawatan dan pemulihan program serta perkhidmatan yang dianjurkan oleh pihak AADK.





Pelbagai pendekatan yang digunakan membantu mereka yang terlibat dengan penagihan dadah untuk memulihkan diri mereka. Antara pendekatan yang digunakan ialah pendekatan kaunseling dengan menggunakan teori tingkah laku kognitif. Pendekatan ini dapat membantu pesakit yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dengan mengajar mereka untuk mengubah tingkah laku dan mengenal pasti pemikiran yang membinaaskan. Seorang kaunselor yang menggunakan pendekatan teori tingkah laku kognitif ini juga dapat membantu pesakit untuk mengenal pasti apa yang menjadi pencetus/pemacu (*triggers*) mereka kepada gian najis dadah. Kaunselor ini juga akan membantu bagaimana untuk memguruskan atau mengelakan pencetus/pemacu kepada gian najis dadah.

### **Teori Tingkah Laku Kognitif**

Terapi Tingkah Laku Kognitif merupakan gabungan beberapa teori iaitu Terapi Tingkah Laku, Terapi Kognitif, Terapi Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT) dan Reality, (Capuzzi & Gross 2003, Gladding, 2004). Pada umumnya, teori-teori ini berbeza tetapi terdapat beberapa persamaan dalam penggunaan teori-teori ini kerana kesemuanya mengutamakan kognitif dan tingkah laku. Rachman (1997) menjelaskan bahawa Terapi Tingkah Laku Kognitif dihasilkan dan dibangunkan melalui gabungan Terapi Tingkah Laku dan Terapi Kognitif. Walaupun berasal daripada teori-teori yang berbeza, namun terdapat persamaan antara teori terapi ini, iaitu penekanan kepada “di sini dan sekarang” (*here and now*) dan juga teknik mengurangkan simptom-simptom.

Terapi Tingkah Laku Kognitif yang diperkenalkan oleh Aeron Beck dan Meichenbaum, memberikan perhatian kepada aspek kognitif, saintifik, sistematis

dan logik dalam proses intervensinya (James & Gilliland 2003; Nelson-Jones 2005). Terapi ini membantu klien dalam pembentukan tingkah laku dengan menerapkan teknik-teknik perubahan dan pengekalan tingkah laku yang baru dipelajari. Mengenal pasti pemikiran negatif (automatic thought) yang sentiasa menguasai diri dan mengubah pemikiran serta mempelajari tingkah laku yang berkesan adalah merupakan kaedah yang sangat sesuai digunakan untuk kejadian buli ini.

Cooper (2008) menyatakan Terapi Tingkah Laku Kognitif telah diaplikasikan di persekitaran klinikal dan bukan klinikal dan juga berjaya diaplikasikan untuk merawat kecelaruan klinikal, kecelaruan personaliti dan masalah tingkah laku. British Association for Behavioural and Cognitive Psychotherapy (2005) menerangkan bahawa pendekatan Terapi Tingkah Laku Kognitif bermatlamat menyelesaikan masalah yang membabitkan ketidakfungsian emosi, tingkah laku dan kognitif melalui orientasi matlamat dan prosedur yang sistematik. Terapi ini berasaskan penggabungan kajian terhadap tingkah laku dan kognitif.

### **Prinsip-Prinsip Terapi Tingkah Laku Kognitif**

Ruang lingkup Terapi Tingkah Laku Kognitif (CBT) adalah luas dengan teknik-teknik rawatan yang pelbagai. Prinsip-prinsip Terapi Tingkah Laku Kognitif yang telah diperkenalkan dengan meluas termasuklah dengan amalan-amalan klinikal. Menurut Hawton, Salkovskis & Kirk (1989), terdapat bukti-bukti yang menunjukkan keberkesanan penggunaan Terapi Tingkah Laku Kognitif dalam menangani masalah psikologi. Menurut Abdul Malek (2004), Pendekatan Terapi Tingkah laku Kognitif adalah berdasarkan kepada andaian-andaan berikut:

Pemikiran, imej, persepsi dan peristiwa memberi kesan dan rangsangan kepada pemikiran (kognitif), tingkah laku dan juga emosi seseorang. Tumpuan secara sistematis dan berstruktur yang merangsangkan kognitif, merupakan cara yang sistematis dalam memberi kesan kepada emosi dan tingkah laku seseorang.

Manusia ialah pelajar yang aktif dan belajar dari persekitarannya dan boleh mencipta persekitaran pembelajarannya sendiri. Pengalaman pembelajaran seseorang boleh juga menyebabkan ketidakfungsian kognitif. Tujuan utama intervensi merangkumi kepada memberi peluang pembelajaran untuk mengatasi ketidak fungsian kognitif yang boleh memberi kesan yang positif terhadap seseorang dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari. Klien kepada pengamal terapi berbincang dan menentukan matlamat intervensi bersama

### **Prinsip Dan Ciri-Ciri Terapi Tingkah Laku Kognitif**

Mansel & Taylor (2012) menyatakan bahawa prinsip Terapi Tingkah Laku Kognitif ialah seperti:

#### **Perhubungan kolaboratif**

Ahli terapi dan klien bekerjasama untuk memahami masalah klien dan melaksanakan proses dalam usaha untuk pemuliharaan. Pendekatan ini juga boleh diklasifikasikan sebagai *guided discovery*. Kedua-dua pihak membawa maklumat masing-masing iaitu klien membawa pengalaman dan pandangannya manakala ahli terapi membawa kemahiran terapeutik dan pendekatan yang saintifik ke dalam sesi intervensi.

#### **Menumpukan Pada Isu Semasa**

Ahli Terapi Tingkah Laku Kognitif akan bekerjasama dengan klien dalam menumpukan isu semasa klien dan dalam masa yang sama memahami

peristiwa lalu klien yang membentuk kepercayaan, tingkah laku dan pemikiran klien sekarang. Perkara ini penting supaya ahli terapi mengetahui teknik apa yang perlu digunakan semasa bekerjasama dengan klien. Memahami peristiwa yang lepas klien juga dapat membantu ahli terapi mengenal pasti apa yang difikirkan oleh klien (*automatic thoughts*) semasa sesuatu kejadian dihadapi oleh klien.

#### **Emparisma**

Kepercayaan yang ada pada diri dikukuhkan dengan bukti yang diterima oleh diri selama ini. Terapi Tingkah Laku Kognitif menggunakan kaedah empirikal dalam menguji kepercayaan yang ada dalam diri dan ia boleh dilakukan oleh diri klien sendiri. Klien juga boleh menguji pemikiran mereka setelah menguji kepercayaan mereka terhadap sesuatu kejadian. Perkara ini akan dibantu oleh ahli terapi semasa menjalani sesi menguji pemikiran baru.

#### **Merasionalisme**

Rasionalisme merujuk kepada situasi perasaan seseorang bermula daripada pemikirannya iaitu apa sahaja yang dipercayai betul, sama ada ia benar atau tidak dari segi faktanya. Kesannya adalah bergantung pada kepercayaan tersebut. Sebagai contoh, dalam Terapi Tingkah laku Kognitif, mereka yang menghadapi masalah keceluaran atau kecemasan (*anxiety*) akan dibantu dengan memahami bahawa apa yang mereka percaya, itulah yang menimbulkan rasa kecemasan dan ini membawa kepada kesan fizikal seperti peningkatan tekanan degupan jantung boleh membawa kepada serangan kecemasan (*panic attack*). Terapi Tingkah Laku Kognitif mengajar klien melalui beberapa teknik untuk menghentikan pemikiran tersebut.

## **Teori Tingkah Laku Kognitif Rawatan (CBT) Dan Pemulihan Penyalahgunaan Dadah**

Prinsip-prinsip dan ciri-ciri Teori Tingkah Laku Kognitif dapat digunakan dalam situasi membantu secara klinik dan bukan klinikal. Prinsip-prinsip seperti yang telah dijelaskan iaitu (1) Perhubungan kolebratif, (2) Menumpukan isu semasa, (3) Emparisma dan (4) Merasionalisima dalam teori tingkah laku kognitif dapat memberi sumbangan yang besar dalam membantu mereka yang terlibat dengan penagihan dadah. Antara kaedah teori tingkah laku kognitif dalam membantu penagihan dadah ialah dengan memperkasakan pesakit iaitu :-

- Memberikan mereka kaedah dan teknik yang mudah dalam mengubah pemikiran negatif mereka
- Menguatkan keyakinan dan kehendak matlamat mereka dalam isu penagihan dadah
- Membantu mereka membayangkan masa hadapan dengan positif
- Membantu mereka meningkatkan kekuatan dan perhubungan yang lebih positif
- Membantu mereka dalam menangani masalah relaps
- Membantu mereka dalam membuka ruang dalam aktiviti yang lebih bermakna daripada aktiviti yang membolehkan mereka relaps kepada penagihan dadah.

(Sumber : The Rocevery Village)

Terdapat satu kajian yang mengabungkan 53 buah kajian rawatan pemulihan dadah menggunakan kaedah Meta Analisis. Kajian ini dijalankan oleh Magill dan Ray (2009) untuk melihat penggunaan rawatan berteraskan terapi tingkah laku kognitif dalam membantu mereka yang terlibat dengan ketagihan alkohol dan penyalahgunaan dadah. Hasil kajian daripada kajian Meta Analisis terhadap

53 buah kajian ini menunjukkan bahawa tahap efikasi penggunaan terapi tingkah laku kognitif ini memberi kesan yang kuat dan berkesan terhadap sampel wanita dan juga mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah jenis ganja.

Penggunaan terapi tingkah laku kognitif merupakan pendakatan yang fleksibel dan boleh disesuaikan dengan pelbagai keadaan. Dalam sesi individu, penggunaan terapi tingkah laku kognitif dapat digunakan dengan mengenal pasti bagaimana seseorang itu berfikir dari segi pemikiran automatik yang menyebabkan seseorang itu tidak dapat keluar daripada cengkaman penagihan dadah. Bagi sesi kelompok terapi tingkah laku kognitif pula, ahli kelompok akan mempelajari kemahiran-kemahiran baru bersama rakan untuk kemahiran *cooping* dan kemahiran interpersonal bersama ahli-ahli yang lain supaya dapat menangani isu penagihan dadah dan juga masalah relaps yang mereka akan hadapi bila tamat program rawatan mereka di pusat rawatan. Pesakit yang melalui rawatan juga boleh menggabungkan rawatan berteraskan terapi tingkah laku kognitif ini dengan rawatan-rawatan yang lain seperti, kaunseling kerjaya, terapi ekspresi (muzik, seni, akupunktur dan yoga) dan juga rawatan yang berteraskan farmakotripsi seperti rawatan metahdone (MMT). Dengan pengabungan ini, rawatan dapat memberi kesan yang lebih positif dalam tempoh jangka masa yang lebih lama.





# KELESTARIAN PENERBITAN MELALUI KERJASAMA ITBM DAN PERBADANAN KOTA BUKU

Disediakan oleh : Mohd Faiz Hamzah



NILAI – 17 Mac 2016: Penerbit USIM meluaskan jaringan kerjasama di peringkat lokal dengan memeterai dua Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Perbadanan Kota Buku bertempat di Ruang Galeri USIM. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh USIM yang diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad. Manakala ITBM diwakili oleh Pengarah Urusan, En. Mohd Khair Ngadiron dan Perbadanan Kota Buku diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar.

Antara intipati perjanjian bersama ITBM adalah Projek Kerjasama Terjemahan & Penerbitan Koleksi Buku Ilmiah Pendidikan Tinggi dalam Bidang Perubatan & Kejururawatan. Antara judul buku yang telah diterbitkan ialah *Reflections of An English Muslim* dan buku terjemahan berjudul *Nurturing A Balanced Person The Leadership Challenge*. Menerusi perjanjian dengan Kota Buku, Penerbit USIM telah bersetuju untuk menerbitkan dan menukar sebanyak 22 judul buku bercetak ke dalam bentuk e-book menerusi perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perbadanan Kota Buku.

## PENERBIT USIM KE ARAH MENCAPAI USIM'16

BANDAR SERI BEGAWAN – 26 Feb 2016: Buku "Sumbangan dan Cabaran Ahli Sunnah Waljamaah di Alam Melayu" dan "Pembentukan dan Pembangunan Wakaf dalam Melestarikan Ekonomi Ummah: Cabaran dan Prospek Masa Hadapan" kerjasama Penerbit USIM & KUPU SB, Brunei telah dilancarkan oleh wakil Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi Hj Mohd Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia & Sukan Brunei Darussalam bersempena dengan Pesta Buku Brunei 2016.

Pesta Buku Brunei yang berlangsung selama 10 hari bermula pada 26 Februari hingga 6 Mac 2016 telah disertai oleh Penerbit USIM saban tahun bermula pada 2013. Delegasi Penerbit USIM tahun ini membawa misi menjayakan USIM'16. Projek pertama kali dengan KUPU SB menuai hasil pada tahun ini. Delegasi kali ini disertai oleh Prof. Dato' Dr. Mustafa Hanefah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Prof. Dato' Dr. Mohammad Alias, Prof. Madya Dr. Asma Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Muhammad Yusuf Khalid, serta kakitangan Penerbit USIM.

# PENGANUGERAHAN DAN PELANCARAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA

Disediakan oleh : Azmi Jamil

PUTRAJAYA - 19 Januari 2016: USIM telah mengorak langkah menerajui dalam penghasilan penyelidikan dan inovasi yang relevan kepada industri dan kesejahteraan ummah berasaskan pematuhan syariah. Usaha ini selaras dengan hala tuju USIM untuk meningkatkan kualiti penyelidikan berstatus pakar rujuk dan diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa. Sejajar dengan hasrat itu, USIM telah dipilih antara enam universiti awam lain untuk menganggotai Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia yang dipengerusikan oleh Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin. Antara tugas jawatankuasa ini adalah untuk menghasilkan kerangka model indeks syariah yang menepati matlamat pengukuran indeks syariah itu.

Majlis penganugerahan ini telah diadakan pada 19 Januari 2016 bertempat di Dewan Bankuet Seri Perdana, Putrajaya. USIM telah diwakili oleh Prof. Madya Dr. Zairina

Abd Rahman yang menerima pelantikan yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia; Dato' Seri Najib Tun Abd Razak. Majlis ini turut dihadiri Naib Canselor USIM; Prof. Dato' Dr Musa Ahmad dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi); Prof. Dato' Dr. Mustafa Hanefah.

Idea dan cetusan awal pembangunan Indeks Syariah Malaysia ini diilhamkan oleh Perdana Menteri sendiri. Ia sebagai mekanisme bagi memperbaiki dan menambah baik program untuk kesejahteraan rakyat yang mencakupi lapan bidang utama iaitu perundangan, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana serta sosial.



# ISFATWA 2016: LONJAKAN INFAD SEBAGAI PUSAT RUJUKAN FATWA SERANTAU

Disediakan oleh : Razman Ibrahim



USIM, 18-19 Mei 2016 – Selaras dengan agenda USIM yang menyasarkan untuk menjadi rujukan di peringkat serantau pada tahun 2016, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) mengorak langkah menganjurkan Seminar Fatwa Antarabangsa (ISFATWA 2016). Bertempat di Kompleks Permata Insan USIM, ISFATWA 2016 yang bertemakan “Mendidik Ummah dengan Fatwa” ini bukan hanya sebagai medan perkongsian pintar dan dialog intelektual para cendekiawan Islam, malah ia turut mengangkat kedudukan dan peranan fatwa sebagai sumber rujukan dan panduan perundangan hukum Islam, bahkan tujuan lebih besar untuk mendidik masyarakat dan ummah berpegang kepada akidah serta kefahaman Islam yang benar lagi jelas.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin pada sesi ucaptama amat menyokong penganjuran seminar fatwa seperti ini kerana merupakan medan yang tepat untuk membahaskan pandangan fatwa dan hukum Islam yang klasik dan moden secara lebih ilmiah. Bahkan, ia turut menjadi input berguna sebagai rujukan kepada ahli akademik dan penyelidik universiti serta pihak yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran fatwa. Pandangan ini turut disokong

oleh Sheikh Muhammad Muhammad `Awwamah, Penyandang Kursi Felo Utama dalam Kajian Fatwa INFAD yang turut menyampaikan ucaptama di seminar berkenaan.

Kedua-dua sesi ucaptama menyentuh kepentingan aliran mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ) sebagai pegangan umat Islam, bahkan lebih penting lagi ia menjadi garis panduan penting dalam proses penetapan dan pengeluaran fatwa serta perundangan hukum Islam. Fahaman ASWJ terbukti berjaya menyatukan umat serta mengelakkan umat Islam daripada berlaku perpecahan serta pemikiran melampau, sesat dan sebagainya.

ISFATWA 2016 ini dihadiri oleh seramai 150 orang peserta serta menampilkan 96 orang pembentang kertas kerja dari dalam negara, Asia Tenggara serta Timur Tengah dan Afrika. Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri, Pengarah INFAD merangkap Pengarah ISFATWA 2016 mengharapkan seminar ini menjadi titik tolak dan langkah masa hadapan INFAD untuk membina jaringan yang lebih luas dan hubungan strategik yang mantap bersama tokoh, organisasi dan institusi fatwa bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat serantau dan dunia.

# KETUA POLIS NEGARA SEBAGAI CeO@FACULTY PROGRAMME (CFP) KEDUA USIM

Disediakan oleh : Khairunnisa Ismail

KUALA LUMPUR, 21 Jun 2016 - Pihak USIM bersama delegasi yang telah diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Polis Negara bagi menyampaikan watikah pelantikan CeO@Faculty Programme (CFP) kepada Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar.

Kunjungan kali pertama ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman ini bertujuan untuk melantik Ketua Polis Negara (KPN) sebagai Profesor Adjung Kebangsaan (CeO@Faculty Programme) di Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) sempena CeO@Faculty Programme (CFP) di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Program ini akan menggarap kepakaran dan pengalaman daripada pemain industri terpilih untuk memberi ceramah dan menyampaikan pengetahuan kepada warga universiti secara menyeluruh, terus dan komprehensif. Program ini telah mula dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia pada 7 April 2015.

Sepanjang sesi pertemuan berlangsung, pihak USIM telah membentangkan maklumat berkaitan USIM dan keseluruhan perancangan program berdasarkan lantikan. Pihak Tan Sri KPN telah berbesar hati menerima pelantikan tersebut dan tempoh pelantikan

beliau adalah selama satu tahun. Beberapa perancangan program telah digariskan sepanjang pelantikan beliau di USIM seperti syarahan umum, forum, seminar, kursus dan pengajaran bagi subjek dalam bidang kepakaran di peringkat prasiswazah dan/atau pascasiswazah.

Pelantikan Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar yang mempunyai pengalaman sebagai seorang pegawai kanan polis yang pernah berkhidmat dalam bahagian antidadah dan narkotik dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat bersesuaian untuk membantu pihak ACREDA amnya dalam menjalankan kajian, seminar dan aktiviti berkaitan penyalahgunaan dadah.



## BENGKEL HALA TUJU PENYELIDIKAN DAN INOVASI 2016-2020

**Tarikh & Tempat:** 20-22 Mei 2016,  
Port Dickson

**Anjuran:** Pejabat Timbalan Naib  
Canselor Penyelidikan & Inovasi

**Tujuan:** Merancang dan menerbitkan  
panduan lengkap perancangan  
Penyelidikan dan Inovasi USIM 2016-  
2020.



## HALAL FOOD AND HOSPITALITY TRAINING

**Tarikh & Tempat:** 21 Januari 2016, USIM

**Anjuran:** Institut Penyelidikan dan  
Pengurusan Halal (IHRAM)

**Peserta:** Staf Sejoung Cyber University,  
Korea

**Tujuan:** Memberi latihan tentang halal dan  
hospitaliti serta pendedahan modul Overview  
of Halal Food and Hospitality, Syariah  
Requirements Pertaining to Halal Food  
and Hospitality dan juga Food Preparation,  
Handling, Storage and Laboratory Monitoring.



## PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL) 2016



**Tarikh & Tempat :** 28 April – 8 Mei 2016, MAEPS Serdang

**Anjuran:** Majlis Kebangsaan Buku Malaysia

**Peserta:** Penerbit USIM & lebih 500 pempamer dalam dan luar negara

**Tujuan:** PBAKL 2016 merupakan pameran dan jualan buku terbesar peringkat kebangsaan yang disertai saban tahun oleh Penerbit USIM. Pada tahun ini Penerbit USIM telah menampilkan lebih 10 judul buku-buku terbaharu bagi menyasarkan peningkatan jualan buku daripada tahun lepas.

## PROGRAM MEMPERKASAKAN SOSIOEKONOMI PESERTA 1AZAM – AMANAH IKHTIAR MALAYSIA

**Tarikh & Tempat:** 1 Jun 2016, USIM

**Anjuran:** Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) & Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

**Peserta:** Pelajar USIM dan 20 orang peserta Program 1AZAM

**Tujuan:** Menghasilkan pelan Business Model Canvas dan memberikan bimbingan menerusi pendidikan kewangan kepada sahabat oleh pelajar USIM yang turut dibantu oleh pegawai AKPK.



## HALALAN TOYYIBAH AWARENESS SEMINAR (HATAS) 2016

**Tarikh & Tempat:** 28 Mei 2016, Nilai

**Anjuran:** IHRAM & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

**Penceramah:** JAKIM, Presiden, Persatuan Industri dan Pengeluar Muslim & Nestle Manufacturing Malaysia Sdn Bhd.

**Tujuan:** Memberi pendedahan kepada peserta mengenai keperluan, jaminan dan cabaran pensijilan halal dan kandungan makanan yang dibenarkan dalam pemprosesan produk halal.



## PROGRAM CeO@FACULTY

**Tarikh:** 8 Mac 2016, USIM

**Anjuran bersama:** Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat (PIJIM) & Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM)

**Penceramah:** YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB

**Tujuan:** Memberi peluang kepada pelajar dan pensyarah memahami kehendak industri untuk menjadi sebahagian sumber penting dalam industri serta membantu pelajar meningkatkan dan mengembangkan pengetahuan secara bersama sebagai salah satu proses pembelajaran berkesan.



## MUAMALAT INTERACTIVE GAME 2.0

### Main Researcher

Dr. Syahidawati Hj. Shahwan

### Area Of Expertise

Fiqh Muamalat, Islamic Banking and Finance, Islamic Banking Products Development, Maqasid al-Shari'ah of Islamic Banking and Financial Activities, Hajj and Umrah Management, Islamic Wealth Management, Waqf and Wasiyyah



### Professional Affiliations

Affiliate Member, Malaysia Financial Planning Council (MFPC)

### Abstract

MIG is an innovation that incorporates the concepts and operations for retail products offered by Islamic banks. This game features interactive muamalat transactions between the contracting parties playing the game

### MIG:

As simulator in Islamic banking and financial products contract process Provides hands on experience to the players on Muamalat and retails Islamic financing facilities and financial management.

The winner is the one who is being moderate in their financial activities that are rewarded in the world (duniawi) and in hereafter (ukhrawi).



### Co-Researcher:

Assoc. Prof. Dr. Zurina Shafii,  
Dr. Norhazlina Ibrahim Supiah  
Salleh, Halizah Md Arif,  
Kasumalinda Alwi, Safeza Md  
Sapien

# RESEARCH PRODUCT

## MOBILE INTRAVENOUS DRIP

### Main Researcher

Assoc. Prof. Dr. Ahmad Najib Azmi




### Area Of Expertise

- Internal Medicine
- Gastroenterology
- Hepatology

### Professional Affiliations

- Associate Professor In Medicine
- Dept. Of Internal Medicine
- Faculty Of Medicine And Health Sciences, USIM



### Abstract

Intravenous therapy is the infusion of liquid substances directly into a vein. Intravenous therapy may be used to correct electrolyte imbalances, to deliver medications, for blood transfusion or as fluid replacement to correct, for example, dehydration and also can be used for chemotherapy. Compared with other routes of administration, the intravenous route is the fastest way to deliver fluids and medications throughout the body. It is used profoundly in the field of

medicine. However, patients normally feel discomfort while on the therapy. Without maintaining the proper height, the fluid is unable to enter the vein as the emission of the fluid is dependent on gravity. Besides that, the long tangling tube of the intravenous bag also causes discomfort and deter the patient's mobility. For Muslim patients, it might causes difficulties in performing ablution and prayer as it involves a lot of movement. They will have to use a stand or holding by hand going everywhere with it. Mobile Intravenous Drip or MIV, is a specialized strap used by patients to assist them in carrying the intravenous set. It consist of a long strap, a hook, an arm strip, and at each end it has a buckle. It is very convenient and patient friendly as it can be handled single-handedly. This invention focuses on the mobility of the patient. The Mobile Intravenous Drip is able to assist patient's mobility whilst on an intravenous therapy.

### Co-Researcher:

Dr. Azlina Mokhtar, Muhammad Akmal Sallahuddin, Hazwan Syahmi Hashim, Ummiyahtun A Rahman, Nurul Saprina Rosli, Fathiyyah Faizol Fadzli



# MODEL INDEKS PENENTUAN HAD TEMPOH MUALAF

## Main Researcher

Prof. Madya Dr. Azman Ab Rahman



## Area Of Expertise

- Syariah (Fiqh dan Usul Fiqh)
- Zakat dan Muamalat
- Fiqh Semasa dan Fatwa

## Professional Affiliations

- Ph.D UIAM 2010
- Diploma Penterjemahan Profesional, Dewan Bahasa dan Pustaka Serta
- Persatuan Penterjemah Malaysia 2005
- Sarjana UIAM 2003
- Sarjana Muda Al al-Bayt University, Mafraq, Jordan 2000



## Abstract

Statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia pada tahun 2012 menunjukkan peningkatan kadar pemeluk agama Islam seramai 76,663 orang di antara tahun 2002 sehingga tahun 2009, sekaligus membuktikan penerimaan yang baik terhadap agama Islam daripada golongan bukan Islam. Mereka yang baru memeluk agama Islam ini secara urufnya digelar sebagai mualaf dan mempunyai hak dalam saham zakat. Namun, persoalan timbul berkaitan penentuan had tempoh panggilan mualaf yang tidak seragam antara negeri di Malaysia khususnya dari sudut kerelevanannya panggilan mualaf yang masih digunakan kepada golongan mualaf yang sudah puluhan tahun memeluk agama Islam.

Perbezaan had tempoh panggilan mualaf turut memberi impak kepada agihan zakat kepada mualaf. Objektif inovasi Model Indeks Penentuan Had Tempoh Mualaf dibangunkan sebagai pengukuran penentuan had tempoh mualaf di Malaysia. Model ini akan menjadi indikator untuk mengenalpasti dan menetapkan had tempoh panggilan mualaf yang sesuai mengikut realiti semasa di Malaysia. Penentuan tempoh mualaf selama lapan tahun berasaskan tempoh peralihan seseorang individu daripada umur mumayyiz sehingga baligh merupakan ciri dan keistimewaan model ini. Penentuan tempoh sehingga lapan tahun (8) tersebut akan diukur berdasarkan modul pengajaran dan pembelajaran mualaf yang digunakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Implikasi hasil inovasi ini dapat membantu pihak berwajib dalam penentuan had tempoh mualaf berdasarkan tahap kefahaman, pengukuhan dan kemantapan mengenai Islam. Di samping membantu institusi zakat di Malaysia dalam penentuan dasar agihan zakat kepada mualaf.

## Co-Researcher:

En. Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Dr. Mahazan Abdul Mutalib Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri, Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin, Dr. Rose Irawaty Ibrahim, Cik Norlina Ismail

## CHICKEN EGGSHHELLS (CHES) MEMBRANE FOR PROTEINS SEPARATION

### Main Researcher

Dr. Abdul Rahman Hassan



### Area Of Expertise

- Membrane Separation Technology
- Fiber Technology
- Water Treatment Technology
- Wastewater Technology


### Professional Affiliations

- Malaysian Society Of Engineering Technologist (Mset) - Member
- European Desalination Society (Eds) – Member

phase inversion process made the CHES membranes to be versatile in the form of wide separation spectrum and operations. In addition, the novel CHES membranes having a uniform and narrow 'on & in' pores and able to promote high flux and selectivity. As the fabrication of CHES membranes is highly complicated and challenging, a fully controlled fabrication process (to be patented) enable the production of finer pores, pore statistics and pores types as well as defect-free structures towards a greener and economic process. Moreover, with excellent combinations of fine performance-properties-pores specifications, this project is crucial and in line with the government policies and industrial demands especially due to cost effective and towards minimizing the utilization of bio-waste as a valuable product and advance technology applications. Significantly, the CHES membranes was found to be highly potential for high impact industries such as biotechnology, wastewater treatment, biomedical, nutraceutical and food industry.

### Abstract

The synthesis of novel ultrafiltration membranes from chicken eggs shell waste was addressed. The novel CHES-UF membranes is designed and developed by IMTL@USIM. From highly abundant chicken eggs shell bio-waste, a special bio-active compounds was synthesized via a wet/dry chemical method. With an excellent properties, a special polymeric formulation was prepared. In bridging a new concept of active materials science involving of polymer and CHES, a unique characteristic of active skin response was created on the skin of CHES membranes. The designing of smooth, even and ultrathin active skin produced via



Side view of X-Dent Box

### Co-Researcher:

Dr. Mohd Hafez Mohd Isa, Nur Izzah Md Fadilah, Sarah Husnaini Zainal

## I-TALK PISKEB (PERISIAN INTERAKTIF AUDIO BUKU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH KEBANGSAAN BAGI OKU PENGLIHATAN)

### Main Researcher

Dr. Noornajihan Jaafar

### Area Of Expertise

- Quranic Education
- Sunnah Education

### Professional Affiliations

Senior Lecturer

Faculty of Quran and Sunah Studies

Universiti Sains Islam Malaysia



### Abstract


Interviews with several teachers at special education schools revealed that lack of Braille reference materials is one of the key barriers in increasing the potential of visually impaired students. Thus, i-Talk PISKEB is developed as a problem solver to the current situation. It is a tool to teach Pendidikan Islam for students with visual impairment. i-Talk PISKEB is the audio of Pendidikan Islam textbook year 1- 6 issued by the Textbook Division, Ministry of

Education (MoE). It is an initiative to help students with visually impaired in learning Pendidikan Islam.

### Co-Researcher:

Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff, Dr. Mahyuddin Hashim, Dr. Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Haji Norakyairee Mohd. Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Nur Syahirah Wahidah Masrom, Nurul Nabila Ahmad Ruslan, Mohd Harith Fahmi Mohd Subhi, Muhammad Faeez Nor Apendi

# BUKU TERBITAN BAHARU



**RM 38.00**

**Penulis:** Nur Farrah Zainan Nazri, Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, Adnan Mohamed Yusoff,

Najm Abdul Rahman Khalaf, Asma Abdul Rahman

**ISBN:** 978-967-440-283-9

**Terbitan:** 2016

**Jum. Halaman:** 88 m/s

This book is a part of the list of the total of 27 references to date palm contained in the 114 chapters of the Qur'an and their interpretations. It begins with Quranic descriptions of the nucleus of dates (al-fatil, al-naqir and al-qitmir). It is followed by Quranic descriptions of the date palm spadix (al-tal'), the date palm trunk (al-judhu' and al-a'jaz) and ends up with the date palm (al-nakhil, al-nakhl and nakhla also shajarah tayyibah, kull hin and min linah). The prevalent use of dates in the present day especially among Muslims is the outcome of a long citation of date palm in the Quran that needs to be understood to a certain extent if we are to make sense of the role of Islam in preserving health. We will have a bird's-eye overview of the most fundamental knowledge of the Quranic accounts of the date palm.

**Penulis:** Haslinda Ramli, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Nadia Halib, Wan Mohamad Nasir Wan Othman


**ISBN:** 978-967-440-274-7

**Terbitan:** 2016

**Jum. Halaman:** 103 m/s

Amalan bersiwak merupakan salah satu sunah Rasulullah SAW dalam menjaga kebersihan diri. Amalan ini telah diteruskan sejak zaman tabiin sehingga pada masa kini, kerana manfaatnya bukan sahaja berpandukan kepada nas-nas syarak bahkan diakui oleh pakar kesihatan pergigian. Kayu siwak mengandungi pelbagai bahan kimia yang selamat digunakan untuk kebaikan gigi seperti bahan antiplak, vitamin C, sulfida dan lain-lain.

Buku ini berkongsi rahsia sunah Rasulullah SAW dalam amalan bersiwak berdasarkan pembuktian saintifik tentang kelebihan bersiwak serta memberikan kaedah bersiwak selari dengan pembangunan pengetahuan pergigian. Cara bersugi menggunakan kayu siwak juga dipersembahkan dalam Video CD agar pembaca dapat mengaplikasikan amalan tersebut dengan berkesan bagi memelihara kesihatan pergigian.




**RM 36.00**

**Penulis:** Herman Abdullah

**ISBN:** 978-967-440-272-3

**Terbitan:** 2016

**Jum. Halaman:** 320 m/s



**RM 85.00**

Fotojurnal ini memaparkan bukti-bukti empirikal tentang kewujudan bangsa Melayu di Benua Melayu yang pemah meneroka benua tanpa mengenal erti sempadan daratan maupun lautan. Umpama terowong masa, ada ketika, dengan sabar dan tabah, konvoi pasukan Jejak Warisan Jawi bersama-sama penulis membawa para pembaca kembali ke zaman silam; menjelaki realiti kisah percintaan, peperangan, keberanian, kesetiakawanan, kezuhudan, kedayaatahanan yang disulam pula dengan penemuan bukti-bukti tentang keindahan peradaban dan ketamadunan tinggi sebuah bangsa yang 1437 tahun dahulu secara bijaksana telah behijrah menjadikan Islam sebagai pegangan dan pedoman untuk mengharungi pahit manis kehidupan; pusaka ilmu paling berharga yang ditinggalkan untuk anak cucu hari ini. Fotojurnal ini adalah sebuah refleksi yang sangat bermanfaat lagi berguna untuk seluruh umat Melayu di Alam Melayu yang masih tercari-cari seluas mana wilayah Benua Melayu itu? Sebuah karya yang secara tegas memadamkan fantasi sejarah yang sempit, sempadan yang menyekat dan membengkung minda Melayu selama ini. Sesungguhnya, naskhah ini seharusnya diwarisi oleh generasi kini dan akan datang, sebagai azimat penguat jatidiri, mudah-mudahan warisan itu kelak tidak hilang daripada genggaman.

"Jika pada sekeping lukisan terkandung padanya seribu perkataan, maka pada setiap kiasan terwakil padanya seribu makna yang tersirat."

(Herman Abdullah)